



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Untuk memahami produk ini dengan lebih baik, sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

PB CI Protector

Ditaja jamin oleh: AIA Bhd.

PENGEDAR & ALAMAT:

Public Bank Berhad
20th Floor Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tarikh: <ISSUE DATE>

PERKARA-PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU

1. Apakah produk ini?

PB CI Protector adalah pelan tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan komprehensif untuk penyakit kritikal dan penyakit berkaitan diabetik sehingga umur lapan puluh (80) tahun. Pelan ini juga menawarkan ciri-ciri utama seperti Manfaat Penyakit Kritikal, Manfaat Penyakit Berkaitan Diabetik dan Manfaat Belas Kasihan Atas Kematian.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Jumlah Diinsuranskan (RM)	50,000	100,000	150,000
Manfaat Penyakit Kritikal¹	100% daripada Jumlah Diinsuranskan atau Jumlah Premium Dibayar, yang mana lebih tinggi		
Manfaat Penyakit Berkaitan Diabetik² <ul style="list-style-type: none">Pembedahan untuk Diabetik Retinopati Jenis 2;Amputasi Anggota Badan disebabkan Komplikasi Diabetik Jenis 2; atauNefropati Diabetik Serius mengakibatkan Kegagalan Buah Pinggang disebabkan Komplikasi Diabetik Jenis 2.	50% daripada Jumlah Diinsuranskan <i>(Dibayar sekali sahaja)</i>		
Manfaat Belas Kasihan Atas Kematian³ (RM)	2,500	5,000	7,500

Nota:

¹ Bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan tertakluk kepada maksimum RM25,000 akan dibayar untuk kali pertama saja. Amaun yang dibayar akan mengurangkan pembayaran Manfaat Penyakit Kritikal dengan amaun yang sama atas diagnosis penyakit kritikal yang lain.

² Manfaat Penyakit Berkaitan Diabetik akan dibayar sekali sahaja dan amaun yang dibayar akan mengurangkan manfaat yang bakal dibayar di bawah Manfaat Penyakit Kritikal dengan amaun yang sama.

³ Nilai tunai akan dibayar sekiranya ianya lebih tinggi daripada amaun yang dinyatakan di atas.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah amaun yang anda perlu bayar adalah RM<XXX> setiap <MONTHLY>, berdasarkan pelan yang anda pilih, umur penyertaan dan jantina anda.

Tempoh pembayaran premium: sehingga insured berumur lapan puluh (80) tahun.

Premium ini adalah mendatar sepanjang tempoh polisi.

Kadar premium adalah tidak terjamin dan AIA Bhd. berhak menyemak kadar premium semasa pembaharuan polisi. AIA Bhd. akan memberi tiga (3) bulan notis terdahulu secara bertulis jika semakan tersebut dibuat.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Jadual di bawah menunjukkan komisen yang perlu ditanggung, yang termasuk dalam premium yang perlu dibayar:

Tahun Polisi	Komisen (%)
1	10
2	10
3	10
4	10
5	10
6	10
7	10
8	10

Komisen yang perlu dibayar adalah berdasarkan kepada amaun premium asal iaitu sebanyak RM<XXX>.

Sila ambil perhatian bahawa komisen dibayar akan berubah mengikut amaun premium.

Jika anda membayar mod bulanan, jumlah komisen tahunan yang perlu dibayar adalah: (premium bulanan x % komisen mengikut tahun polisi x 12 bulan)

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Keperluan pendedahan** – Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh percubaan** – Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis ini mesti ditandatangani oleh anda dan diterima oleh AIA Bhd. dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima polisi tersebut. Premium yang anda telah bayar (ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh ihsan** – Tempoh ihsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh genap tempoh bagi pembayaran setiap premium berikutnya. Jika sebarang premium tetap tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan ini, polisi ini mungkin luput, tertakluk kepada nilai tunai polisi.
- Tempoh menunggu** – Perlindungan untuk manfaat di bawah polisi anda bermula selepas selesai tempoh menunggu dari tarikh penyertaan atau tarikh mula polisi ini, yang mana kemudian.

Manfaat Penyakit Kritikal

- Tempoh menunggu selama enam puluh (60) hari untuk Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
- Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari untuk penyakit kritikal lain.

Manfaat Penyakit Berkaitan Diabetik

- Tempoh menunggu selama enam puluh (60) hari untuk penyakit berkaitan diabetik.

- Tempoh bertahan** – Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Penyakit Berkaitan Diabetik hanya akan dibayar jika anda masih hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas diagnosis sebarang penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik.

- (f) **Nilai penyerahan tunai** – Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa selepas dua (2) tahun polisi yang pertama untuk nilai penyerahan tunai yang terjamin. Polisi anda tidak akan mempunyai nilai tunai sehingga anda telah membayar premium untuk dua (2) tahun. Sila maklum bahawa semasa penyerahan awal, nilai penyerahan tunai anda mungkin kurang daripada jumlah premium yang dibayar.
- (g) Ia mungkin akan merugikan jika anda bertukar dari satu pelan insurans kepada satu pelan yang lain, kerana anda mungkin dikenakan syarat-syarat pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu penuh dan mana-mana tempoh lain yang berkaitan untuk pengecualian penyakit-penyakit tertentu / keadaan-keadaan pra-wujud polisi insurans yang baru.
- (h) Sila simpan salinan penyata kad kredit atau penyata bank sebagai bukti pembayaran.
- (i) **Cukai Kerajaan Yang Berkenaan** – Premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Pengecualian untuk Manfaat Belas Kasihan Atas Kematian:

1. Sekiranya insured, sama ada siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam masa satu (1) tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana kemudian, maka liabiliti AIA Bhd. dibataskan kepada pemulangan semula premium yang dibayar tanpa faedah. Sekiranya berlaku pengembalian semula, pembayaran balik premium akan dikira dari tarikh mula.

Pengecualian untuk Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Penyakit Berkaitan Diabetik:

1. Sebarang penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik seperti yang ditakrifkan dalam polisi ini;
2. Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dan penyakit berkaitan diabetik yang tanda atau gejalanya yang pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tarikh penyertaan atau tarikh mula polisi ini, yang mana kemudian;
3. Semua penyakit kritikal lain yang ditakrifkan dalam polisi ini, di mana tanda atau gejalanya yang pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penyertaan atau tarikh mula polisi ini, yang mana kemudian;
4. Sebarang penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung akibat keadaan sedia ada seperti yang ditakrifkan dalam polisi ini, yang wujud sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula polisi ini, yang mana kemudian;
5. Sebarang penyakit kritikal yang pada pendapat AIA Bhd. disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), atau jangkitan oleh sebarang Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). AIA Bhd. berhak untuk mengarahkan insured menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat lazim untuk penerimaan sebarang tuntutan. Pengecualian adalah untuk Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah seperti yang ditakrifkan dalam polisi ini. Bagi tujuan polisi ini:
 - (a) Takrifan AIDS akan merupakan apa yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987, atau semakan terbarunya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan takrifan itu;
 - (b) Jangkitan hendaklah dianggap telah berlaku di mana ujian darah atau sebarang ujian lain menandakan, pada pendapat AIA Bhd. tentang kewujudan sebarang HIV atau antibodi terhadap virus seperti itu;
6. Sebarang penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik didiagnosis disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, akibat kecacatan kongenital atau penyakit yang ditunjukkan dengan jelas atau didiagnosis sebelum insured mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
7. Sebarang penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik disebabkan oleh kecederaan yang disengajakan;

8. Sebarang penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik disebabkan secara langsung oleh alkohol atau penyalahgunaan dadah; atau
9. Sebarang penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik, sekiranya insured tidak hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas diagnosis penyakit kritikal atau penyakit berkaitan diabetik.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA Bhd. Walaubagaimanapun, membeli polisi hayat adalah merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput melainkan polisi anda telah memperolehi nilai tunai. Amaun tunai yang akan dibayar oleh AIA Bhd. apabila anda membatalkan polisi sebelum tamat tempoh polisi mungkin kurang daripada jumlah amaun premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kepada AIA Bhd. akan sebarang perubahan kepada butir-butir peribadi anda seperti pertukaran alamat dan telefon supaya AIA Bhd. boleh terus berhubung dengan anda berkaitan maklumat penting.

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans hayat dan insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku maklumat insurans mengenai 'Insurans Hayat' dan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua Pusat Perkhidmatan AIA Bhd. Anda juga boleh melayari laman web maklumat insurans www.insuranceinfo.com.my atau laman web AIA Bhd. AIA.COM.MY. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk kepada laman web AIA Bhd.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA Bhd. di:

AIA Bhd. (790895-D)
Menara AIA
99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1 800 18 1464
T: 03 - 2056 1111
F: 03 - 2056 3891
Email: my.customer@aia.com

AIA Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain pelan dari jenis yang sama yang boleh didapati

Sila hubungi AIA Bhd. untuk pelan-pelan lain dari jenis yang sama yang ditawarkan oleh AIA Bhd.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ITU ATAU HUBUNGI AIA BHD. SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI ADALAH RINGKASAN PRODUK DAN BUKAN MERUPAKAN KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah setakat < ISSUE DATE >.